

**SPR nafi dakwaan PAS dan gesa parti politik guna saluran bantahan  
Malaysian Insider  
19 Oktober, 2012  
Oleh Md Izwan**

KUALA LUMPUR, 19 Okt — Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dalam satu kenyataan hari ini menafikan tuduhan yang dibuat PAS dalam akhbar rasmi mereka Harakah yang menuduh SPR tidak melaksanakan tanggungjawab dalam memantau senarai daftar pemilih.

SPR juga menggesa parti politik menggunakan saluran bantahan apabila Rang Daftar Pemilih Tambahan (Rang DPT) dipamerkan nanti sekiranya tidak berpuas hati dengan senarai pengundi di kawasan tersebut.

Isu pemegang pemegang kad pengenalan (IC) sementara disenarai sebagai pengundi yang dibangkitkan naib presiden PKR, Fuziah Salleh dakwa SPR adalah tidak berasas memandangkan semakan dengan Jabatan Pendaftaran Negara mengesahkan nama daftar pemilih adalah layak untuk mengundi.

"Semakan SPR terhadap no. kad pengenalan pemilih berkenaan, Hasmidah binti Surahbil dengan JPN mengesahkan bahawa beliau ialah seorang warganegara dan layak untuk didaftarkan sebagai pemilih.

"Berdasarkan semakan borang pendaftaran pemilih Hasmidah didapati pendaftaran beliau dibuat oleh Penolong Pendaftar Pemilih (PPP) wakil parti politik, iaitu daripada Pakatan Rakyat (PR). Jadi, adakah SPR bersengkongkol dengan PPP daripada PR untuk mendaftar warga asing sebagai pemilih?," kata setiausahanya, Datuk Kamaruddin Baria.

Selain itu, SPR juga membidas dakwaan isu pengundi Sungai Burong dipindahkan ke Pahang seperti yang didakwa oleh Timbalan Pengarah Pilihan Raya, Mariam Abdul Rashid selepas hasil semakan nombor IC yang didedahkan tidak wujud dalam Daftar Pemilih SPR dan JPN.

"Semakan SPR mendapati nombor IC 560212125077 atas nama Zainuddin Mokhtar dan 60060210578 atas nama Zaliha Zaini tidak menjumpai "rekod yang sepadan" dalam Daftar Pemilih SPR dan JPN," kata SPR lagi.

Di samping itu, SPR juga menjelaskan berdasarkan undang-undang mereka tidak boleh menukarkan alamat pusat mengundi seseorang pemilih berdaftar sekiranya pemilih itu tidak memohon dengan mengemukakan borang pendaftaran pemilih (Borang A) kepada SPR.

SPR turut membidas dakwaan oleh Timbalan Yang Dipertua PAS Pandan, Meor Rithuan Meor Mohd. Said yang membangkitkan isu peningkatan mendadak daftar pemilih di Pandan kerana tidak memahami kaedah pendaftaran pemilih mengikut lokaliti.

Meor mendakwa pada tahun 2007 sebuah rumah beralamat no 5, Lorong Kemajuan 1 jumlah pemilih berdaftar adalah seramai 8 orang tetapi kemudiaannya pada tahun 2011 mencatatkan peningkatan kepada 43 pengundi.

"SPR ingin menjelaskan bahawa dalam Daftar Pemilih SPR alamat yang dimaksudkan itu sebenarnya merujuk kepada lokaliti dan bukannya alamat bagi sebuah rumah.

"Ini bermakna bukan 43 atau 21 orang pengundi yang mendaftar di situ sebaliknya pengundi-pengundi itu didaftarkan di satu lokaliti yang merangkumi pelbagai alamat," terang SPR lagi.

SPR juga menerangkan terdapat kekeliruan apabila Yang Dipertua PAS Ampang, Khasim Abd Aziz yang mendakwa wujud status warganegara mi segera dikesan di Ampang dan didaftarkan sebagai pemilih.

"Rekod SPR sehingga suku tahun 2/2012 menunjukkan terdapat seramai 82,073 orang pemilih berdaftar di parlimen Ampang. Seramai 785 orang pemilih berdaftar mempunyai kad pengenalan dengan kod 71 dan mereka ini didaftarkan selepas tahun 2008 hingga bulan Jun 2012.

"SPR ingin menegaskan bahawa setiap urusan permohonan untuk menjadi pemilih telah melalui pelbagai tapisan dan semakan. Hanya yang layak sahaja akan didaftarkan."

Bagi bertindak adil kepada semua pihak, SPR menggesa kesemua parti politik menggunakan saluran bantahan Rang Daftar Pemilih Tambahan (Rang DPT) apabila ia dipamerkan bagi setiap suku tahun.

Menurut SPR, apabila bantahan dikemukakan satu siasatan awam akan dijalankan dan ia membuktikan SPR telus dalam melaksanakan urusan pendaftaran pemilih.

"Semasa pameran Rang DPT Suku Tahun 2/2012, SPR telah menerima empat bantahan dengan alasan yang sama, iaitu tidak bermastautin/bukan warganegara. Daripada 4 bantahan itu, keputusan siasatan awam menerima kesemua bantahan itu dan kesemua 4 nama pemohon tidak dimasukkan dalam daftar pemilih tambahan suku tahun 2/2012."

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/spr-nafi-dakwa-pas-dan-gesa-parti-politik-guna-saluran-bantahan/>